



اینسیتوت فنیکردن دان کنفرانس ملی  
KONFERENSI AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PAHANG

جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



ISBN- 978-983-2607-46-5

# KONFERENSI AKADEMIK 2015

Pelestarian Warisan Melayu Mencetus Penambahan Ilmu

4 NOVEMBER 2015  
AL-BIRUNI, UiTM CAW. PAHANG

UiTM Sentiasa  
Di Ku

30<sup>th</sup>  
Tahun  
UiTM  
Pahang

## Halatuju Program Halaqah dalam Kalangan Pelajar Melayu di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang

Norazmi Anas<sup>1\*</sup>, Shahril Nizam Zulkipli<sup>2</sup>, Ahmad Fadhir Mat Dahan<sup>3</sup>, Aiza Budin<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

norazmianas@perak.uitm.edu.my, shah4107@perak.uitm.my

<sup>3,4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
ahmadfadhir@pahang.uitm.edu.my, aiza\_budin@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Program Halaqah merupakan satu program berteraskan Islam yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bagi membantu pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman Islam yang rendah merangkumi elemen akidah, syariah dan akhlak yang menjadi tunjang ajaran Islam. Selain itu, program ini juga dilihat sebagai satu usaha dakwah kampus terhadap pelajar-pelajar yang beragama Islam khususnya pelajar Melayu. Penulisan kertas kerja ini bertujuan mengkaji halatuju Program Halaqah terhadap dikalangan pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang dan menghuraikan item-item soal selidik yang digunakan sebagai penanda aras Program Halaqah di UiTM Cawangan Pahang. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis kertas kerja Program Halaqah dan item-item soal selidik supaya kedua-dua objektif kajian di atas tercapai dengan jayanya. Secara umumnya, program ini memberi manfaat yang sangat besar terhadap pelajar-pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman mereka berkaitan ajaran Islam. Oleh yang demikian, program ini wajar diteruskan pada masa akan datang dan perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa selari dengan pemikiran pelajar-pelajar Generasi Y pada masa kini.

**Kata Kunci:** Pelajar Melayu, Program Halaqah, UiTM Cawangan Pahang

### 1. Pengenalan

Islam merupakan satu sistem kehidupan yang mencakupi tiga pola hubungan yang asas iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain (Rasid Muhamad, 2010). Justeru itu, untuk merealisasikan ketiga-tiga pola perhubungan asas tersebut, tiga paksi utama telah dibentuk dalam Islam sebagai teras iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Ianya selari dengan Mohd Asri Abdullah et al. (2006 & 2009) yang menjelaskan secara terperinci berkenaan prinsip-prinsip asas Islam merangkumi akidah, syariah, ibadat dan akhlak, manakala Ustazi Othman (2007) menyatakan secara umum tiga asas kehidupan manusia iaitu mengenal Tuhan, mengenal agama dan mengenal rasul. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga paksi tersebut merupakan tunjang dalam ajaran Islam.

### 2. Asas Islam: Akidah, Syariah & Akhlak

Asas akidah membahaskan tentang ketuhanan, kenabian dan kerasulan yang perlu diyakini kebenarannya merangkumi perbahasan tentang zat dan sifat Allah SWT, manakala aspek kenabian dan kerasulan pula berkaitan sifat, ciri-ciri, tugas, wahyu dan kitab yang diturunkan kepada mereka. Kedua-dua aspek ini terangkum dalam Rukun Iman yang wajib diyakini oleh sekelian Muslim. Perihal ini dikukuhkan lagi oleh Mohd Radhi Ibrahim (2006) dan Rasid Muhamad (2010) yang menyatakan bahawa perkara yang menjadi asas akidah ialah seluruh rukun iman dan segala yang berhubungan dengannya. Mohd. Kamal Shah Rani (2008) pula menyatakan bahawa asas-asas akidah merangkumi rukun Iman iaitu kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada kitab, kepercayaan kepada rasul,

kepercayaan kepada hari akhirat dan kepercayaan kepada takdir (qada' & qadar). Maka, akidah merupakan tunjang kepercayaan umat Islam secara menyeluruh dan spesifik.

Rasid Muhamad (2010) menyatakan bahawa perbahasan akhlak biasanya difokuskan kepada dua persoalan utama iaitu sifat-sifat terpuji (mahmudah) dan sifat-sifat tercela (mazmumah). Perihal ini disokong oleh Mohd Asri Abdullah et al. (2009) dengan menyatakan bahawa umumnya perbuatan manusia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu perlakuan baik dan perlakuan buruk. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2010) pula menyatakan bahawa akhlak merupakan mekanisme terpenting dalam Islam kerana kedudukannya yang istimewa sebagai nilai penyeri binaan asas iman dan Islam. Haron Din et al. (2010) berpendapat semua ajaran dan amalan Islam bermula dengan akhlak. Ramawan bin Ab. Rahman (ed.) (2011), ilmu akhlak juga dikenali sebagai ilmu tasawuf melibatkan tentang adab-adab kelakuan dan perbuatan sehari-hari manusia.

Mohd Asri Abdullah et al. (2009) turut membincangkan ilmu syariah, yakni segala perintah Allah s.w.t dalam bentuk hukum atau peraturan yang bersifat menyeluruh dan sangat luas dalam bidang kuasanya. Ilmu syariah juga dikaitkan dengan nama-nama lain seperti fiqh atau fikah, hukum, undang-undang, nas atau dalil syariah dan masadir atau sumber syariah. Mohd. Kamal Shah Rani (2008) pula menyatakan bahawa syariah melibatkan hukum-hakam perundangan yang bertujuan untuk mengatur kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara melibatkan hukum berkaitan munakahat, muamalah, jenayah dan sebagainya. Selain itu, skop syariah merangkumi tiga kategori iaitu :

- i. Hubungan manusia dengan Allah dan alam ghaib.
- ii. Hubungan manusia sesama manusia.
- iii. Hubungan manusia dengan makhluk-makhluk lain di bumi.

Pada zaman awal Islam, syariah dan fiqh membawa pengertian yang sama iaitu merangkumi semua hukum agama berkaitan kepercayaan, perbuatan, praktikal dan akhlak, manakala pada zaman mutakhir ini, kedua-duanya dibezakan dengan fungsi tertentu (Ab. Latif Muda, 2003). Syariah atau syariat ditakrifkan sebagai hukum yang ditetapkan oleh Allah melalui rasul-Nya untuk hamba-Nya supaya mereka mentaati segala hukum dan peraturan yang terkandung di dalamnya (Ruzian Markom, 2003 & Siti Zalikhah Haji Md. Nor et al., 2001), manakala Syariah Islamiyyah pula merujuk hukum-hukum yang disyarakkan oleh Allah s.w.t untuk hamba-Nya berkaitan akidah, ibadat, akhlak, mualamat dan sistem-sistem hidup dalam pelbagai aspek demi untuk kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat (Mohd. Saleh Haji Ahmad, 1999). Imam Syafi'i telah mentakrifkan fiqh dengan definisi popular dalam kalangan mazhab dan diterima ramai iaitu mengetahui hukum-hukum berbentuk perbuatan yang diperolehi melalui dalilnya yang terperinci (Wahbah al-Zuhayli, 1994).

Manakala Mohd. Saleh Haji Ahmad (1999) menyatakan bahawa definisi fiqh sebagai mengetahui atau memahami hukum-hukum syarak yang berkaitan khusus dengan perbuatan mukallaf seperti wajib, haram, sunat, makruh, harus, keadaan sesuatu akad itu sah atau batal, keadaan ibadah itu qada' atau ada dan sebagainya. Secara perbandingan kedua-dua istilah ini, syariah mempunyai pengertian yang lebih umum dan merangkumi semua hukum berbanding fiqh yang lebih khusus serta fiqh merupakan sebahagian dari kandungan syariah itu sendiri. Oleh itu, syariah meliputi perkara yang diturunkan oleh Allah s.w.t, manakala fiqh meliputi hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan manusia / praktikal (Ruzian Markom, 2003).

Seterusnya, fiqh terbahagi kepada dua jenis iaitu hukum ibadah dan hukum muamalah (Wahbah al-Zuhayli, 1994), Manakala Mohd. Saleh Haji Ahmad (1999) menyatakan dua jenis juga iaitu hukum yang tidak melibatkan ruang untuk pemikiran dan ijtihad dan hukum fiqh yang diberi ruang untuk pemikiran dan ijtihad. Walaupun begitu, kedua-dua pembahagian ini sama sahaja cuma terdapat sedikit perbezaan dari segi cara pembahagiannya mengikut kefahaman masing-masing. Hukum ibadah melibatkan perkara-perkara yang tiada ruang untuk pemikiran dan ijtihad bertujuan mengukuhkan hubungan manusia dengan Allah s.w.t seperti kewajipan

solat, puasa, zakat, haji, nazar, sumpah dan sebagainya, manakala hukum muamalah memberi ruang kepada pemikiran dan ijтиhad yang lebih terarah kepada hubungan manusia sesama manusia seperti kontrak, keseksaan, jenayah, jaminan, jual beli dan sebagainya.

### **3. Program Halaqah: Halatuju dan Kepentingan**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah memperkenalkan program halaqah bertujuan memperbaiki kefahaman dan pembacaan al-Quran serta kemahiran tulisan jawi dalam kalangan penuntutnya sebagai nilai tambah kepada diploma atau ijazah yang bakal diperoleh. Ianya berbentuk sukarela bagi para penuntut yang turut diberi kebebasan untuk memilih kumpulan fasilitator serta waktu pembelajarannya agar tidak bertindih dengan jadual akademik. Program yang menggunakan kaedah fasilitator mengawal kumpulan-kumpulan kecil penuntut itu telah pun bermula bagi sesi pengambilan Julai 2010 dengan penyertaan 1000 orang peserta melibatkan 100 fasilitator sebagai pembimbing yang terdiri daripada pensyarah CITU (kini dikenali sebagai ACIS), pegawai hal ehwal Islam, imam, bilal UiTM serta kakitangan lain yang layak setelah melepassi ujian ditetapkan. Idea pendekatan ini dicetuskan oleh Naib Canselor UiTM, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar Bakar yang mahukan para penuntut UiTM mahir membaca dan menulis jawi kerana ia adalah identiti orang Melayu selain ilmu akademik yang dipelajarinya. UiTM perlu menjadi penggerak utama program ini kerana 90 peratus penuntutnya adalah Melayu dan bumiputra Islam (<http://www.utusan.com.my>).

Kajian yang telah dibuat oleh Nik Rosila Nik Yaacob (2007) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan jawi dan pencapaian pelajar dalam subjek berteraskan Pengajian Islam khususnya dalam pembacaan al-Quran. Tilawah al-Quran melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadwir dan tartil (Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi, 2009). Kajian yang telah dilakukan oleh Ruaain Haji Mustari et al. (2008) mendapati masih ramai pelajar yang tidak atau kurang lancar membaca al-Quran. Membaca al-Quran merupakan amalan asas yang dituntut untuk diamalkan oleh setiap Muslim di dalam ajaran Islam. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pelajar supaya tidak berterusan lemah dalam penguasaan Tilawah al-Quran. Maka, program halaqah anjuran UiTM ini merupakan halatuju yang jelas untuk meningkatkan tahap kefahaman dan pembacaan al-Quran dalam kalangan penuntutnya.

Matlamat penganjuran program halaqah ini dilihat sangat jelas dan jitu untuk meningkatkan tahap kefahaman Islam terhadap pelajar bermulanya mereka melangkah masuk ke UiTM. Oleh yang demikian, semua cawangan dan kampus perlu meneruskan usaha ini bagi menjamin kualiti graduan yang akan dilahirkan oleh UiTM pada masa akan datang.

### **4. Objektif Kajian**

- i) Mengkaji halatuju Program Halaqah terhadap pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang.
- ii) Menghuraikan item-item soal selidik yang digunakan sebagai penanda aras Program Halaqah di UiTM Cawangan Pahang.

### **5. Metodologi Kajian**

Rekabentuk kajian bersifat kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap kertas kerja dan item-item soal selidik yang digunakan dalam Program Halaqah. Analisis kandungan merupakan satu set prosedur analisis yang boleh digunakan dalam pelbagai media mesej (teks, ucapan, rakaman video aksi) dan utusan untuk mengenalpasti tujuannya (Newby, 2010 & Syed Arabi Idid, 1992).

## 6. Keputusan & Perbincangan

Program Halaqah dijalankan selepas satu sesi ujian diadakan kepada pelajar-pelajar baharu UiTM dikenali sebagai Pra-Halaqah yang seringkali diadakan pada Minggu Destini Siswa (MDS). Ia bertujuan untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang lemah dalam kefahaman & pembacaan al-Quran serta kemahiran tulisan jawi. Di UiTM Cawangan Pahang, soal selidik Pra-Halaqah terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu:-

- Bahagian A (Akidah & Al-Quran)

**Jadual 1.** Item-item soal selidik Pra-Halaqah Bahagian A

Bil.	Bab	Soalan Wajib
1.	<b>Aqidah</b>	Sebutkan lafaz syahadah beserta maknanya
2.		Bacakan surah Al-Fatihah dengan tajwid yang betul.
3.	<b>Al - Quran</b>	Bacakan ayat Al-Quran ini dengan betul dan bertajwid. <b>(Fasilitator diminta untuk memilih mana-mana ayat dari surah dalam Al-Quran)</b>

- Bahagian B (Akhhlak & Ibadah)

**Jadual 2.** Item-item Soal Selidik Pra-Halaqah Bahagian B

Bil.	Bab	Soalan Wajib
1.	<b>Akhhlak</b>	Nyatakan batas aurat lelaki/wanita.
2.		Berapakah rukun solat? Sebutkan kesemuanya.
3.		Berapakah solat fardhu yang diwajibkan?
	<b>Ibadah</b>	Sebutkan lafaz niat solat fardhu.(pilih salah satu lafaz niat solat fardhu)
4.		Bacakan tahiyyat awal/akhir dengan betul.
5.		Sebutkan 3 rukun fi'li (perbuatan) yang terdapat dalam solat.
6.		Sebutkan 3 perkara yang membatalkan solat.
7.		Nyatakan 1 sebab yang mewajibkan mandi berserta caranya.



**SOALAN KAJI SELIDIK TAHAP KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN AJARAN  
ISLAM**

PESERTA MDS SESI MEI - NOVEMBER 2011



## **ARAHAN KEPADA FASILITATOR :**

1. Kertas soalan ini mengandungi (2) bahagian : BAHAGIAN A (3 Soalan)  
BAHAGIAN B (7 Soalan)
  2. Fasilitator diminta mengemukakan SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan dua (2) soalan dari BAHAGIAN B.
  3. Fasilitator diminta untuk membawa Al-Quran ketika ujian lisan dijalankan.

## BAHAGIAN A

Bil.	Bab	Soalan Wajib
1.	Aqidah	Sebutkan lafadz syahadah beserta maknanya
2.		Bacakan surah Al-Fatihah dengan tajwid yang betul.
3.	Al - Quran	Bacakan ayat Al-Quran ini dengan betul dan bertajwid. [Fasilitator diminta untuk memilih mana-mana ayat dari surah dalam Al-Quran]

**BAHAGIAN B**

1.	Akhlik	Nyatakan batas aurat lelaki/wanita.
2.		Berapakah rukun solat? Sebutkan kesemuanya.
3.		Berapakah solat fardhu yang diwajibkan?
Ibadah		Sebutkan lafaz niat solat fardhu (pilih salah satu lafaz niat solat fardhu)
		Bacakan tahiyyat awal/akhir dengan betul.
		Sebutkan 3 rukun fi'li (perbuatan) yang terdapat dalam solat.
		Sebutkan 3 perkara yang membatalkan solat.
		Nyatakan 1 sebab yang mewajibkan mandi beserta caranya.

**Rajah 1.** Sampel Soal Selidik Pra-Halaqah UiTM Cawangan Pahang

Secara umumnya, soal selidik pra-halaqah merupakan persoalan-persoalan asas yang perlu diketahui oleh pelajar-pelajar di UiTM terutama pelajar Melayu yang beragama Islam dan sangat bersesuaian sebagai indikator penentu pelajar-pelajar yang lemah dalam asas Islam.

## 7. Kesimpulan

Program Pra-Halaqah dan Halaqah menjadi indikator penting pengetahuan dan kefahaman asas Islam terhadap pelajar-pelajar UiTM khususnya UiTM Cawangan Pahang. Pengajian program-program Islam sebegini dapat merapatkan lagi hubungan antara pelajar dengan pensyarah seterusnya peningkatan sahsiah pelajar-pelajar itu sendiri hasil aplikasi ilmu-ilmu berteraskan Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## 8. Rujukan

- Ab. Latif Muda. (2003). *Pengantar syariah dan teori fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2010). *Apa Itu Islam? Menerangkan Islam Secara Mudah dan Lengkap*. Selangor: PTS ISLAMIKA SDN. BHD.

Haron Din et al. (2010). *Manusia dan Islam*. Jilid Tiga. Kuala Lumpur: DBP.  
<http://www.utusan.com.my> diakses pada 27 Ogos 2015.

- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 93 – 109.
- Mohd Asri Abdullah et al. (2006). *Prinsip-prinsip asas Islam: Islam dan akidah*. Shah Alam: UPENA.
- Mohd Asri Abdullah et al. (2009). *Prinsip-prinsip asas Islam: Syariah, ibadat dan akhlak*. Shah Alam: UPENA.
- Mohd. Kamal Shah Rani. (2008). *Prinsip asas Islam*. Kuala Lumpur: Koperasi Kolej YPM KL Bhd.
- Mohd. Radhi Ibrahim. (2006). *Akidah dan pembangunan tamadun*. Nilai: KUIM.
- Mohd. Saleh Haji Ahmad. (1999). *Pengantar syari'at Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Newby, P. (2010). *Research methods for education*. England: Pearson Education Limited.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penggunaan jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jilid. 22, 161–172.
- Ramawan bin Ab. Rahman (ed.). (2011). *Pengantar tamadun & sejarah pemikiran Islam*. Melaka: PENERBITAN ALAMBACA SDN. BHD.
- Rasid Muhamad. (2010). *Menjejaki keindahan Islam*. Shah Alam: UPENA.
- Ruaain Haji Mustari, Minah Dibok, Sharifah Faegah Syed Alwi & Jahjaiton Binti Arsad. (2008). Kesan tahap kelancaran pembacaan Al-quran terhadap kecenderungan mengerjakan amalan solat wajib: Satu kajian kes di kalangan pelajar muslim semester satu Diploma Pengurusan Ladang UiTM Pahang, Kampus Jengka. Laporan Projek Penyelidikan, *Institute Of Research Development and Commercialization (IRDC)*, UiTM Shah Alam. eprints.uitm.edu.my. Diakses pada 27 Ogos 2015.
- Ruzian Markom. (2003). *Apa itu undang-undang Islam: Memahami undang-undang Islam dengan lebih berkesan*. Bentong: PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTOR SDN. BHD.
- Siti Zalikhah Haji Md. Nor et al. (2001). *Al-Syariah: Konsep dan perundangan Islam Jilid 1*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ustaz Ustazi Othman. (2007). *Iman: Akar umbi kehidupan*. Johor Bahru: PERNIAGAAN JAHABERSA.
- Wahbah al-Zuhayli. (1994). *Fiqh dan perundangan Islam*. Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.